



KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

LAPORAN SIASATAN EAIC MENGENAI KEHILANGAN BARANG TAHANAN DI DEPOT IMIGRESEN BUKIT JALIL

***UNTUK SIARAN SEGERA
5 JUN 2025***

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) telah menerima aduan terhadap Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) kerana didakwa tidak menyerahkan semula barang tahanan semasa tahanan dikeluarkan dari Depot Imigresen Bukit Jalil.

HASIL SIASATAN

Siasatan mendapati kehilangan barang tahanan tersebut bukan berpunca daripada kecuaiannya pegawai JIM. Namun begitu, terdapat beberapa kelemahan dalam aspek pengurusan dan pengendalian barang tahanan yang perlu ditambah baik bagi mengelakkan tohmahan atau salah faham terhadap pegawai bertugas.

Sehubungan itu, EAIC memutuskan untuk merujuk syor penambahbaikan kepada pihak JIM bagi memastikan pengurusan dan pengendalian barang tahanan dilaksanakan selaras dengan Prosedur Operasi Kualiti sedia ada.

#TAMAT#

**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)
PUTRAJAYA**

Untuk maklumat lanjut berkaitan kenyataan media ini sila hubungi Unit Komunikasi Korporat, EAIC di talian 03 8880 5719 / 03 8880 5721 / 03 8880 5731.